

Semangat wasatiyyah diperlukan capai negara maju

SEREMBAN 20 Mei - Misi mencapai negara maju memerlukan semangat wasatiyyah bagi memastikan keseimbangan neraca kehidupan di dunia dan akhirat.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, semangat wasatiyyah dalam kepimpinan ini juga selari dengan objektif universiti ini, antara lainnya melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan mampu memimpin masyarakat majmuk serta berpotensi tinggi membangunkan negara.

"Dalam kita membicarakan soal kepimpinan, bidang ini dan pengurusan Islam adalah salah satu daripada kepakaran yang diperjuangkan oleh USIM sebagai universiti awam ke-12 dalam negara ini," katanya sewaktu berucap dalam Persidangan Pengurusan Dakwah dan Islam Anta-

rabangsa (IC-DAIM) di Dewan Kuliah Utama Fakulti Pengajian al Quran dan Sunnah, USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Persidangan itu dirasmikan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zin dan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.

Kata Asma, melalui persidangan ini, adalah diharap dapat membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat kontemporari.

"Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) menerusi program dakwah dan pengurusan Islam bertekad untuk menanamkan nilai-nilai murni dan kerohanian Islam sebagai asas pengurusan

kepimpinan cemerlang serta pembangunan dakwah Islamiyyah.

"Penekanan ini juga diberi kepada pengurusan Islam yang berdasarkan pembangunan kemantapan akidah, akhlak, unsur kerohanian dan pembangunan modal insan," tegas beliau.

Pada masa sama Asma memberitahu, ini dilihat mampu meningkatkan keupayaan organisasi mahupun masyarakat dalam menghadapi cabaran dalaman tempatan, sekali gus cabaran yang lebih besar di peringkat global.

Persidangan yang dihadiri peserta dari dalam dan luar negara itu turut mendengar ucap taja yang disampaikan Abdullah bertajuk 'Pendekatan Wasatiyyah Dalam Dakwah Kepimpinan Islam' yang berhubungkait dengan sikap golongan pengetat dan pelonggar agama yang dilihat memberi pelbagai kesan dalam masyarakat.



ABDUL Shukor Husin (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Abdullah Md. Zin (kanan) selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Dakwah dan Islam Antarabangsa USIM, Nilai, semalam. - UTUSAN/ABD RAZAK AID